

DATE: 16 / 02 / 2008

2 cabaran bahaya perlu ditepis umat Islam: PM

Dakyah musuh, pemikiran sempit cetus konflik di kalangan ummah

Oleh Azman Zakaria,
Saufi Hamzah
dan Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam kini berdepan dua cabaran yang amat berbahaya, termasuk serangan pengaruh dan dakwah musuh Islam yang menular tanpa batas sama ada secara terang mahupun secara berselindung.

Perdana Menteri berkata, ancaman kedua yang disifatkannya sebagai lebih berbahaya ialah kesempitan pemikiran di kalangan umat Islam itu sendiri yang sering menyebabkan mereka diheret ke kancuh pelbagai kemelut serta konflik.

Sehubungan itu, beliau menyeru ulama dan pemikir Islam mencari jalan membetulkan landasan sebenar yang perlu dilalui umat Islam dengan pandangan serta buah fikiran yang muafakat di kalangan mereka bagi diajukan kepada pemimpin negara Islam untuk dipertimbang dan dilaksana.

Katanya, kerjasama antara umarak dan ulama juga perlu diperkukuh kerana pemuafakatan amat penting bagi mewujudkan suasana harmoni dalam melaksanakan dasar yang mengarah kepada pembentukan umat cemerlang, gemilang dan terbilang.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, kesempatan pemikiran di kalangan umat Islam adalah masalah

asas yang perlu ditangani segera kerana mereka mentafsir Islam mengikut pemahaman sendiri yang serba terbatas.

"Islam dilihat dari sisi atau sudut pandangan yang terlalu sempit. Lebih-lebih lagi, mereka tidak dapat melihat bahawa pembangunan fizikal dan segala kemajuan di sekeliling mereka adalah sebahagian daripada tuntutan Islam sendiri.

"Ada di kalangan mereka yang menolak kemajuan, malahan mengangap kemajuan dan pembangunan itu ciptaan musuh Islam yang berusaha melalaikan. Pandangan sempit begini berbahaya dan jika dibiarkan merebak di kalangan umat Islam, lama kelamaan mereka akan menjadi golongan ekstrem.

"Pada tahap demikian, golongan ini

“Pandangan sempit berbahaya dan jika dibiarkan merebak di kalangan umat Islam, lama kelamaan mereka akan menjadi golongan ekstrem”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

menolak kemajuan, pembaharuan dan pembangunan yang kemudian merugikan Islam sendiri," katanya berucap merasmikan Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Turut hadir Sheikhu Al-Azhar, Dr Muhammad Sayyid Tantawi dan Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam Mesir, Dr Mahmood Hamdy Zaquq. Ini adalah Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar ketiga diadakan, dan yang pertama di luar Mesir.

Multaqa bertemakan 'Pendekatan Islam Hadhari, Di antara Warisan dan Cabaran Semasa' itu disertai 1,028 peserta daripada 70 negara yang menghimpunkan ulama lulusan Al-Azhar yang terkemuka di seluruh dunia termasuk Eropah, Amerika, Asia Barat, Afrika dan Asia Tengah.

Perdana Menteri berkata, kesempitan pemikiran di kalangan umat Islam berbahaya kerana keadaan sedemikian akan memudahkan lagi musuh Islam menyebarkan dakyah mereka.

"Sebahagian ruang kosong dalam jiwa umat Islam itu akan diisi pemikiran merosakkan. Lama kelamaan ia menjadi barah yang kemudian merebak di kalangan umat Islam secara lebih meluas jika tidak diubati atau dibendung sejak awal," katanya.

Beliau berkata, negara Islam perlu terus memupuk perpaduan dan bukan bertelagah sesama sendiri yang hanya akan menguntungkan musuh Islam yang sentiasa menunggu peluang me-

mecahbelahkan umat serta negara.

Katanya, umat Islam juga tidak boleh bersikap 'tidak peduli' sesama umat Islam lain kerana permasalahan umat Islam sejagat bukan lagi isu terencil sebaliknya isu besar yang perlu dicari jalan penyelesaian bersama.

Dalam era globalisasi yang serba pantas dan mencabar ini, katanya, umat Islam di seluruh dunia berdepan pelbagai pengaruh Barat yang boleh menggugat akidah melalui pelbagai dakyah yang tersebar secara tidak terbatas, terutama menerusi ruang maya internet.

Beliau berkata, dalam menghadapi suasana itu, ulama dan pemikir Islam perlu bangkit mencari jalan agar umat Islam berada pada landasan betul, serta memainkan peranan mengikis persepsi berat sebelah setengah pihak terhadap Islam seperti melabelnya penganjur keganasan.

Abdullah juga berkata, Malaysia sedia berkongsi pengalaman dengan negara Islam lain dalam memajukan ummah seperti penekanan yang diberikan terhadap pendidikan bagi meningkatkan modal insan, usaha membasmi kemiskinan dan pelaksanaan perbankan Islam.

Katanya, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 adalah satu pengiktirafan terhadap negara ini sebagai negara Islam contoh di mata dunia.